

Malaysia minta Bangsa2 Bersatu

Sekat kecenderungan lulus resolusi bebankan negara2 miskin

2 SLP 1987

KUALA LUMPUR 1 Sept. — Malaysia hari ini meminta Bangsa - Bangsa Bersatu, sebagai pertubuhan pelbagai hala, menyekat kecenderungan meluluskan resolusi - resolusi yang hanya menguntungkan sebilangan kecil negara anggota.

Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sejak kebelakangan ini banyak resolusi yang diputuskan oleh pertubuhan tersebut memberi kesan buruk terhadap negara - negara lain.

Menurutnya, PBB sebagai pertubuhan terbesar antarabangsa yang menerima konsep bahawa semua anggota mempunyai hak yang sama sepatutnya memberikan hak itu dalam membincangkan isu - isu dunia. Berucap merasmikan Persidangan Persatuan Ahli - Ahli Parlimen Komanwel (CPA) di sini hari ini, Dr. Mahathir berkata, ekoran mesyuarat - mesyuarat kumpulan tujuh, banyak negara miskin menjadi semakin miskin dengan tiba - tiba.

"Kadar pertukaran matawang yang berlainan telah dimanipulasikan supaya dengan tiba - tiba negara miskin mendapati jumlah hutang luar mereka menjadi berganda dan pendapatan eksport mereka berkurangan.

"Bila negara - negara kaya berbincang sesama mereka dan menyusun semula kedudukan ekonomi dan kewangan yang menguntungkan mereka, negara - negara miskinlah yang menerima padahnya," tegas Perdana Menteri.

Beliau menarik perhatian, sejak akhir - akhir ini terdapat kecenderungan untuk tidak menghiraukan Bangsa - Bangsa Bersatu sebagai pertubuhan pelbagai hala. Kecenderungan ini hanya menguntungkan kumpulan dua hala ataupun kumpulan - kumpulan kecil yang terhad. Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir menyeru pemimpin - pemimpin dunia supaya kembali mengamalkan konsep pelbagai hala tanpa mengenyepikan kepentingan - kepentingan negara - negara anggota yang lain.

CPA, katanya, sebagai badan pelbagai negara hendaklah menyokong konsep itu.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata beliau masih bersikap kritikal terhadap Komanwel, kerana pada pendapatnya pertubuhan itu tidak melambangkan namanya.

Selalunya, kata beliau, tidak terdapat langsung persefahaman di kalangan negara - negara anggota. Sudahlah begitu, negara - negara kaya di kalangan anggota Komanwel enggan memahami masalah yang dihadapi oleh negara - negara miskin sungguhpun masalah - masalah itu dibuat oleh mereka (negara - negara kaya) sendiri, tambahnya.

Bagaimanapun Perdana Menteri berkata, Malaysia tetap mengiktiraf kebaikan Parlimen Komanwel dalam mengembangkan peranan dan amalan Parlimen dalam sistem demokrasi berparlimen.

Menurutnya, sungguhpun Malaysia kesal terhadap penyimpangan yang berlaku terhadap perjuangan Komanwel, ia akan terus menganggotainya kerana negara - negara miskin masih menerima bantuan dan faedah dari pertubuhan itu.

Sementara itu Perdana Menteri menggesa CPA supaya mendesak Britain menyokong usul pemulauan terhadap Afrika Selatan di persidangan ketua-ketua kerajaan Komanwel di Vancouver tidak lama lagi.